

Penilaian Ke atas Strategi Ekonomi China dan Kesannya Ke atas ASEAN*

Rujhan Mustafa
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Kejatuhan empayar Soviet Union pada tahun 1990 telah menyaksikan bahawa China adalah satu-satunya negara besar tunggal yang berfahaman komunis di dunia yang berkemungkinan besar mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Soveit Union sebelum ini. Kemunculan semula China di arena antarabangsa seelepas menjalankan dasar isolasi dilihat dapat memeberikan impak terhadap negara-negara kuasa besar yang lain. Kemunculan semula China untuk kembali menjadi sebuah kuasa hegemoni baru terutamanya dalam aspek ekonomi bukan sahaja di peringkat serantau tetapi juga di peringkat global telah menjadikannya sebagai negara yang bakal digeruni oleh kuasa besar yang lain. Dalam penulisan ini, penulis akan membincangkan perubahan dasar ekonomi terbuka yang diimplimentasikan oleh pemimpin negara China dalam usaha untuk menjana aktiviti perekonomian yang lebih kompetitif serta kepentingan keanggotaan China dalam Pertubuhan Perdagangan dunia (WTO) dan peranan kemasukan Hong Kong dan Macau memangkin kepada ekonomi China dan kesannya ke atas ekonomi ASEAN.

PENDAHULUAN

Keupayaan China untuk mencapai matlamat untuk mencapai taraf sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia sewajarnya tidak perlu dipertikaikan lagi memandangkan perubahan demi perubahan yang telah dilakukan oleh para pemimpin China dalam pelbagai aspek termasuk aspek ekonomi serta penstrukturan semula dalam aspek keselamatan. Kuasa hegemoni di sini bermaksud sebagai sebuah negara negara bangsa yang memiliki keunggulan dari segi ekonomi dan ketenteraan yang sudah pasti melaksanakan unsur-unsur dominasi dan monopoli. Bermula daripada tahap pembinaan semula China oleh Mao Tze-Tung yang berfahaman komunis pada tahun 1949 dan pemerintahannya digantikan oleh Deng Xiaopeng yang telah membuat perubahan dan penstrukturan semula ke atas China supaya lebih terbuka kepada dunia luar. Di dalam memastikan agar

*Kajian di bawah Geran Fundamental Unimas 03(59)/503/2005 (02)